

KERTAS KERJA



WORLD ENVIRONMENT DAY (WED) 2019

TEMA - "PENCEMARAN UDARA"

Tempat

PUSAT SAINS NEGARA

Tarikh

18 SEPTEMBER 2019 (RABU)

Anjuran:

KELAB DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR KUALA LUMPUR

dengan kerjasama

Kementerian Pendidikan Malaysia

Pusat Sains Negara

Universiti Teknologi Malaysia

Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur

Local Agenda 21 Kuala Lumpur

Jabatan Alam Sekitar dan Kesihatan (DBKL)

PENDAFTARAN HANYA MELALUI ONLINE

www.jungleambassador.org/wed

1.0 Pendahuluan

'World Environment Day' (WED) disambut pada Rabu 5 Jun 2019, dan pada 5 Jun setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran tentang persekitaran dan isu-isu alam sekitar yang spesifik. World Environment Day 2019 akan diselenggarakan oleh Negara China, dengan tema "**PENCEMARAN UDARA**".

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyedari bahawa perlindungan dan peningkatan persekitaran manusia merupakan isu utama, yang mempengaruhi kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi di seluruh dunia. Sambutan ini memberikan kita peluang untuk memperluaskan kesedaran dan kebertanggungjawaban oleh kerajaan, individu, industri dan masyarakat dalam memelihara dan meningkatkan persekitaran alam sekitar yang lebih berkualiti.

Kira-kira 7 juta orang di seluruh dunia mati awal setiap tahun akibat pencemaran udara, dengan kira-kira 4 juta kematian yang berlaku di Asia Pasifik. 'World Environment Day' 2019 akan menggesa kerajaan, industri, komuniti, dan individu untuk bersama-sama meneroka tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau, dan meningkatkan kualiti udara di bandar-bandar dan wilayah di seluruh dunia.

Menurut laporan PBB yang baru mengenai pencemaran udara di Asia dan Pasifik, dengan melaksanakan 25 dasar teknologi dapat pengurangan 20 karbon dioksida dan pengurangan 45 peratus dalam pelepasan metana di seluruh dunia, yang membawa kepada satu pertiga darjah Celcius penjimatan pemanasan global.

Fakta Pencemaran Udara:

- 92 peratus orang di seluruh dunia tidak menghirup udara bersih.
- Pencemaran udara membebankan ekonomi global \$ 5 trilion setiap tahun dalam kos kebajikan.
- Pencemaran ozon tahap bawah dijangka akan mengurangkan hasil tanaman rui sebanyak 26 peratus menjelang 2030

Semoga pelaksanaan program ini dapat membantu menerapkan kesedaran mengenai pencemaran udara di negara ini.

2.0 Objektif

- 2.1 Dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid serta masyarakat akan kepentingan alam sekitar dalam kehidupan harian.
- 2.2 Memberi peluang kepada semua murid, pelajar dan orang ramai merasai pengalaman melalui aktiviti pertandingan alam sekitar yang dirancang.
- 2.3 Dapat membuat ramalan mengenai indek udara melalui data Jabatan Alam Sekitar.
- 2.4 Dapat memberi kemahiran penggunaan aplikasi GeoTrees dengan lebih berkesan dalam kehidupan harian.
- 2.5 Dapat menerapkan perasaan cintakan alam sekitar melalui penghasilan kolaj menggunakan bahan kitar semula.
- 2.6 Dapat memberi peluang murid menyertai pertandingan peringkat kebangsaan.

3.0 Kumpulan Sasaran

- 3.1 Murid sekolah rendah dan menengah serta pelajar Institusi Pengajian Tinggi dan orang perseorangan di seluruh negara yang berminat.
- 3.2 **Murid Sekolah Rendah Tahap 2 sahaja - 360 orang**
- 3.3 **Murid Sekolah Menengah Tingkatan 1-Tingkatan 6 - 360 orang**
 - Setiap kumpulan mesti mempunyai 3 orang ahli
 - Setiap kumpulan terdiri daripada tiga orang peserta dari sekolah yang SAMA.
 - **Pihak sekolah boleh menghantar lebih dari satu kumpulan.**

4.0 Bayaran

- 4.1 RM50.00 kepada **seorang murid** (termasuk makan minum (sarapan, makan tengah hari, minum petang, lencana program, sijil penyertaan, sijil pertandingan dan sebagainya)
- 4.2 RM20.00 kepada **seorang guru pengiring** (termasuk makan minum dan sijil penghargaan)

5.0 Pelaksanaan Aktiviti

5.1 Aktiviti Pelaksanaan.

- Pertandingan Kolaj Alam Sekitar (PKAS)
- Pertandingan Pemetaan Pokok GeoTress (3PG)
- Pertandingan Indeks Kualiti Udara (PIKU)
- Deklarasi Suara Harapan World Environment Day 2019.

5.2 Aturcara pada 18 SEPTEMBER 2019 (RABU)

- | | | |
|---------|---|----------------------|
| 7.00 am | - | Pendaftaran Peserta |
| | - | Sarapan |
| 8.00 am | - | Pembahagian Kumpulan |

- 8.30 am - **Taklimat Pertandingan Sesi 1**
- Murid Sekolah Rendah - Taklimat Kolaj
- Murid Sekolah Menengah – Taklimat Geotree dan Indeks Udara (Auditorium Ibnu Sina)
- 9.00 am - Pertandingan Sesi 1 Bermula
- 10.30 am - Minum pagi
- 10.45 am - **Taklimat Pertandingan Sesi 2**
- Murid Sekolah Rendah - Taklimat Geotree dan Indeks Udara (Auditorium Ibnu Sina)
- Murid Sekolah Menengah – Taklimat Kolaj
- 11.15 am - Pertandingan Sesi 2 Bermula
- 12.45 pm - Rehat/Makan Tengah hari/Solat
- 2.00 pm - Deklarasi Suara Harapan
- Penyampaian Sijil Pemenang
- Sesi Bergambar
- 3.00 pm - Tamat

6.0 Peralatan yang perlu dibawa oleh peserta :

Sila Rujuk Lampiran Aktiviti 1,2 dan 3

7.0 Harapan

Pihak kami, *Jungle Ambassador* berharap agar program World Environment Day 2019 dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan sokongan semua pihak. Semoga kita semua dapat meningkatkan kesedaran dengan cara mendidik generasi baru dan akan datang tentang kepentingan hutan dan pokok-pokok di luar hutan dalam kehidupan seharian kita.

Disediakan oleh:


GANESAN S. SITTRAMBARAM
 President of Jungle Ambassador
 Kuala Lumpur

AKTIVITI PERTANDINGAN PEMETAAN POKOK GEOTREES (3PG)

TUJUAN AKTIVITI

1. Para peserta akan didedahkan dengan program sains masyarakat (*citizen science programme*) yang melibatkan pengumpulan data pokok.
2. Para peserta dapat mempelajari kaedah-kaedah dalam pengumpulan data pokok.
3. Aktiviti ini dapat memupuk minat para peserta terhadap penjagaan dan pemantauan pokok.

PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

1. Matematik
 - a. Pengukuran
 - b. Pengiraan
2. Geospasial
 - a. Penggunaan GPS
 - b. Pemetaan lokasi pokok
3. Tambahan
 - a. Aktiviti fizikal
 - b. Semangat kerja berkumpulan
 - c. Pemikiran kreatif dan kritis

PERALATAN

1. Tag pokok (menggunakan Kod QR) - **disediakan oleh penganjur**
2. *Cable ties* (bergantung kepada diameter pokok) - **disediakan oleh penganjur**
3. Pita ukur baju (**dibawa oleh peserta**)
4. Telefon pintar & data internet (telah dilengkapi dengan aplikasi GeoTrees)
- **dibawa oleh peserta**
Boleh download aplikasi Geotrees di Play Store
5. Kalkulator (**dibawa oleh peserta**)

SYARAT-SYARAT & PELAKSANAAN

1. Setiap kumpulan terdiri daripada 3 orang peserta dari sekolah yang sama.
2. Setiap kumpulan hendaklah mempunyai kelengkapan alat tulis, kalkulator dan telefon pintar Android BERSERTA data internet.
3. Peserta akan diberi taklimat tentang setiap tugas yang diberi.
4. Dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh penganjur, peserta akan membuat Pengiraan IPU, Cari perkataan tersembunyi (word search puzzle) dan Kahoot.
5. Kaedah pemarkahan adalah berdasarkan jumlah dari ketiga-tiga tugas yang diberi. Pemarkahan akan dibuat berdasarkan kriteria berikut:

AKTIVITI BERKAITAN PERTANDINGAN INDEKS KUALITI UDARA (PIKU)

TUJUAN AKTIVITI:

1. Peserta dapat mempelajari pengiraan Indeks Pencemaran Udara (IPU).
2. Para peserta akan didedahkan dengan pelbagai informasi berkaitan pencemaran udara di Malaysia.

PEMBANGUNAN KEMAHIRAN:

1. Matematik
2. Pengetahuan Am
3. Kemahiran Insaniah
 - a. Kemahiran kerja berkumpulan
 - b. Pemikiran kritis dan daya menyelesaikan masalah.

PERALATAN:

1. Kalkulator
2. Telefon Pintar (dilengkapi internet)
3. Alat tulis (pen, pensel etc)

SYARAT-SYARAT & PELAKSANAAN:

1. Setiap kumpulan terdiri daripada 3 orang peserta dari sekolah yang sama.
2. Setiap kumpulan hendaklah mempunyai kelengkapan alat tulis, kalkulator dan telefon pintar Android BERSERTA data internet.
3. Peserta akan diberi taklimat tentang setiap tugas yang diberi.
4. Dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh penganjur, peserta akan membuat Pengiraan IPU, Cari perkataan tersembunyi (word search puzzle) dan Kahoot.
5. Kaedah pemarkahan adalah berdasarkan jumlah dari ketiga-tiga tugas yang diberi. Pemarkahan akan dibuat berdasarkan kriteria berikut:

Bil	Tugasan	Markah (Jawapan yang betul)
1	Pengiraan IPU	1
2	Word Search Puzzle	1
3	Kahoot !	Rujuk 4.1

Nota

- 4.1 Kahoot! - Markah yang tinggi akan diberi kepada individu yang menjawab soalan dengan BETUL dan CEPAT.
- Bergantung kepada pemarkahan

Kahoot!: <https://support.kahoot.com/hc/en-us/articles/115002303908-How-does-the-pointssystem-work->

6. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kutipan markah keseluruhan tugas. - Kumpulan yang mendapat markah tertinggi dikira sebagai pemenang.

AKTIVITI BERKAITAN PERTANDINGAN KOLAJ ALAM SEKITAR (PKAS)

TUJUAN AKTIVITI

1. Peserta dapat menterjemahkan keindahan alam sekitar ke dalam bentuk seni kolaj. Seterusnya dapat melahirkan rakyat Malaysia yang cinta dan prihatin terhadap alam sekitar.
2. Memupuk nilai-nilai kerjasama, yakin diri, disiplin diri dan bertanggungjawab.

PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

1. Kemahiran Seni Visual

CADANGAN BAHAN / PERALATAN – setiap kumpulan boleh membawa :

1. Mounting Board Saiz A3 – disediakan oleh penganjur Jungle Ambassador
2. Kertas warna – dapatkan dari majalah, kalendar, pamflet, brosur dan sebagainya
3. Daun-daun kering, ranting-ranting kayu mati dan sebagainya.
4. Botol plastik mineral, penutup botol dan straw minuman
5. Kain perca, butang baju, pin baju, manik dan kapas
6. Tali rapia, lidi satay, batang ais krim
7. Bijirin seperti kacang hijau, barli, jagung, beras dan sebagainya
8. Gam UHU (gam kayu dan glu stick)
9. Apa-apa bahan yang boleh dikitar semula yang sesuai untuk penghasilan kolaj
10. Gunting kertas

Senarai barangan di atas adalah cadangan sahaja , terpulung kepada kumpulan bahan yang hendak digunakan pakai untuk membuat kolaj.

SYARAT-SYARAT & PELAKSANAAN

1. Setiap kumpulan terdiri daripada 3 orang peserta dari sekolah yang sama.
2. Setiap kumpulan hendaklah membawa dan mempunyai kelengkapan peralatan seperti yang dinyatakan di atas.
3. Peserta akan diberikan taklimat tentang tugas yang diberikan
4. Dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh penganjur, peserta akan menyiapkan tugas kolaj alam sekitar dalam kumpulan masing-masing.
5. Kaedah pemarkahan adalah berdasarkan kriteria di bawah

ASPEK PEMARKAHAN	MARKAH
1. KREATIF & MENARIK	30
2. KEKEMASAN & KEASLIAN	30
3. MENGIKUT TEMA & MEMPUNYAI MAKSUD	30
4. MEMPUNYAI NILAI MURNI	10

6. Keputusan juri adalah muktamad.